

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan dan mengawal skim permainan wang dan skim pengambilan deposit haram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan dalam membanteras aktiviti skim cepat kaya, seperti berikut:-

i) Menjalinkan kerjasama strategik melalui penubuhan *Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud* (SCOFF) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*, NCC); yang mana kerjasama ini adalah bertujuan seperti berikut :

- Menggalakkan perkongsian maklumat dan penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- Menjalankan operasi serbuan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasa yang mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang seliaan masing-masing.

Jawatankuasa ini juga bersetuju untuk mengambil tindakan bukan sahaja kepada penganjur skim kewangan haram tetapi juga mana-mana pihak yang terlibat termasuk pelabur;

ii) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa (akhbar-akhbar tempatan, siaran televisyen dan radio) dan program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional (seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, Minggu

Kesedaran Kewangan (M2K) dan Minggu Saham Amanah Malaysia) yang dijalankan setiap tahun;

iii) Menyenerai nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di dalam laman sesawang agensi penguatkuasaan;

- Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengambil langkah menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di dalam laman sesawang agensi masing-masing;
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) turut mempunyai senarai status pendaftaran syarikat jualan langsung di laman sesawangnya; dan

iv) Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat MLM (*Multi Level Marketing*), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing seperti berikut :

- BNM; Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan TELELINK

Laman Sesawang : <http://www.bnm.gov.my>

No. Telefon : 1-300-88-5465

- *SC; SC Investor Alerts*

Laman Sesawang : <http://sc.com.my>

No. Telefon : 03-8204 8999

E-mel Aduan : [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)

- KPDNKK; Sistem E-Aduan KPDNKK

E-mel Aduan : [e-aduan@kpdnkk.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnkk.gov.my)

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Laman Sesawang : <http://aduan.skmm.gov.my>

E-mel : [aduanskmm@cmc.gov.my](mailto:aduanskmm@cmc.gov.my)

No. Telefon : 1-800-888-030

Institusi-institusi kewangan turut mengambil tindakan untuk mengesan akaun-akaun yang disalahgunakan oleh mana-mana individu atau syarikat untuk tujuan skim kewangan haram. Bagi tujuan ini, institusi-institusi kewangan telah melaksanakan langkah-langkah pengawalan yang lebih ketat bagi proses pengenalan pelanggan dan mengenal pasti transaksi yang disyaki terlibat dengan

kegiatan skim kewangan haram, seterusnya menimbangkan penutupan akaun-akaun bank yang berkaitan dengan sewajarnya. Setakat 30 September 2017, sebanyak 674 akaun yang disyaki terlibat dengan kegiatan skim kewangan haram telah ditutup oleh institusi-institusi kewangan.

**SOALAN ( 260 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG**

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mengenai berapa lama proses yang diambil oleh mana-mana pemaju untuk mengambil Sijil Layak Menduduki (CF).**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perakuan Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness-CFO*) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah digantikan dengan pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*).

Pengeluaran CCC dijalankan secara berperingkat selaras dengan penyiapan komponen pembinaan di tapak. Tempoh masa bagi pengeluaran sijil ini juga tidak dikawal oleh Kementerian atau PBT kerana ia di bawah kawalan Pengetua Utama (*Principal Submitting Person - PSP*) iaitu tiga (3) kategori profesional seperti Lembaga Arkitek Profesional, Lembaga Jurutera Profesional dan Lembaga Arkitek Berdaftar. Rujukan boleh dibuat ke Lembaga masing-masing untuk mendapatkan pengesahan sama ada layak atau tidak sebagai PSP dalam melaksanakan sesuatu projek.

PSP boleh mengeluarkan CCC serta merta setelah berpuas hati dengan pembinaan yang telah mematuhi undang-undang serta syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sementara itu, dalam sistem CFO, setelah berpuas hati dengan pembinaan, PSP perlu pula mengemukakan permohonan kepada PBT untuk semakan dan pemeriksaan di tapak sebelum CFO boleh dikeluarkan.

164

Sehubungan itu, tempoh pengeluaran CCC adalah lebih terjamin di bawah sistem ini memandangkan penglibatan PBT adalah pada tahap yang lebih minima dalam proses pengeluaran CCC berbanding CFO. Walau bagaimanapun, kawalan *check and balance* PBT masih dikekalkan dan kuasa PBT bagi memastikan keselamatan bangunan yang dibina tidak terjejas di bawah sistem baru ini.